




**HASIL BORANG MAKLUMBALAS BAGI  
SESI PERCUBAAN PROCTORING  
TOOL BAGI PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II, 20/21**

DISEDIAKAN OLEH  
KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA INTERIM  
2021

## PENGENALAN

Setakat jam 11:32pm, 10 Jun 2021, seramai 1381 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang telah mengisi borang tersebut. Daripada jumlah 1381, 939 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya telah hadir bagi sesi percubaan proctoring tool yang telah diadakan pada 27 Mei 2021 manakala 442 tidak hadir.



Statistik 1: Borang Maklumbalas Berkenaan Proctoring tool

## KEHADIRAN BAGI SESI PERCUBAAN PROCTORING TOOL PADA 27 MEI SERTA ISU YANG TIMBUL SEMASA PERCUBAAN TERSEBUT



Statistik 2: Borang Maklumbalas Berkenaan Proctoring tool

## **ISU YANG TIMBUL HASIL DARIPADA SESI PERCUBAAN PADA 27 MEI 2021**

Berikut merupakan ringkasan isu yang timbul daripada borang maklumbalas tersebut:

- Masalah pada laptop setelah memuatnaik proctoring tool tersebut.
  - Laptop menjadi lembab dan *lagging*.
  - Masalah dari segi penggunaan *webcam* dimana pelajar harus membuka kamera dan ini akan menyebabkan laptop untuk menjadi *lagging*.
  - Laptop akan *shutdown* secara automatik.
- Masalah capaian internet yang kurang stabil.
- Masalah pada sistem tersebut.
  - Sistem yang merumitkan dan mengambil masa yang lama.
  - Pelajar tidak dapat “*launch*” browser tersebut.
  - Pelajar gagal bagi prosedur imbasan muka, menyebabkan penangguhan sebelum memulakan kuiz tersebut.
  - Sistem yang *lagging*.
- Masalah untuk menggunakan lockdown browser dan menyebabkan laptop pelajar untuk restart dan paparan skrin biru.
  - Respondus lockdown browser telah membekukan skrin laptop pelajar dan laptop akan terhenti dalam beberapa minit.
- Pelajar tidak dapat memuatnaik sistem tersebut disebabkan masalah teknikal yang wujud pada laptop mereka.
- Masalah dari segi *operating system* dan peranti yang digunakan.
- Masa yang diberikan sewaktu sesi percubaan tidak mencukupi.

## **ADAKAH MAHASISWA DAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA BERSETUJU DENGAN KEGUNAAN PROCTORING TOOL BAGI PEPERIKSAAN AKHIR PADA SEMESTER II, SESI 20/21?**

Menurut borang maklumbalas ini, seramai 1,331 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya yang tidak bersetuju dengan kegunaan proctoring tool bagi peperiksaan akhir pada Semester II, Sesi 20/21 manakala hanya 50 sahaja yang bersetuju.



Statistik 3: Borang Maklumbalas Berkennaan Proctoring tool

Berikut merupakan ringkasan sebab bagi penolakan penggunaan sistem proctoring tool:

- Isu ketiadaan laptop.
  - Terdapat mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai laptop dan menggunakan peranti lain bagi pembelajaran atas talian dan peperiksaan akhir seperti smartphone dan tablet.
- Isu laptop yang uzur.
- Isu laptop yang mempunyai spesifikasi rendah seperti RAM dan SSD yang rendah.
  - Laptop akan bermasalah sekiranya memuatnaik sistem tersebut.
  - Pelajar mempunyai masalah pada *webcam* dan masalah seperti laptop *lagging* akan timbul sekiranya mereka perlu membuka kamera berjam-jam.
  - Storage laptop yang kurang.
  - Operating system yang tidak mengikut spesifikasi yang diperlukan bagi penggunaan proctoring tool ini.
- Pengumuman pengimplementasian pada saat akhir.
  - Pengumuman dibuat pada minggu ke-11 iaitu menghampiri penghujung semester dan peperiksaan akhir.
  - Pengumuman pada saat akhir menyebabkan mahasiswa tidak mempunyai waktu yang mencukupi untuk membuat persediaan

tambahan lagi dengan lambakan tugasan untuk setiap subjek akademik serta lain-lain tugasan.


- Tahap capaian internet yang tidak memuaskan dan tidak stabil serta memakan *mobile data* yang banyak.
- Persekutaran yang tidak kondusif bagi tujuan pembelajaran atas talian.
  - Masalah timbul apabila pelajar perlu berada di persekitaran yang sunyi untuk menggunakan sistem tersebut.
- Sistem yang *rigid* dan terlalu sensitif.
  - Sebarang pergerakan boleh dikategorikan sebagai menipu.
- Sistem yang tidak stabil.
  - Pelajar terkeluar sendiri daripada sistem tersebut.
  - *Verification process* mengambil masa yang lama sehingga terganggu pelajar untuk menguruskan masa bagi peperiksaan akhir.
- Isu berkenaan privasi pelajar.
  - Terdedah dengan fail peribadi kepada pihak ketiga.
  - Berdasarkan ulasan di atas talian, lockdown browser software ini sering *crash* dan tidak boleh dipercayai.  
<https://www.forbes.com/sites/seanlawson/2020/04/24/are-schools-forcing-students-to-install-spyware-that-invades-their-privacy-as-a-result-of-the-coronavirus-lockdown/?sh=211c922f638d>
  - Kerisauan berkenaan maklumat peribadi pelajar disebabkan kes pada 2019 dimana UM ICT Security telah digodam dan maklumat peribadi telah disebarluaskan.
  - Sewaktu memuatnaik sistem tersebut, aplikasi *Antivirus* menyatakan bahawa sistem mampu membawa keburukan (*harmful*) kepada laptop.
- Sistem agak membebankan bagi pelajar yang perlu menggunakan *external software*.
- Pelajar antarabangsa (khususnya daripada China) tidak dapat menggunakan aplikasi tersebut.
- Prosedur yang mempunyai kelompongan.
  - Persoalan timbul berkenaan situasi apabila pelajar yang telah ditangkap menipu walaupun mereka tidak membuat apa-apa dan proses rayuan.

## **ISU BERKENAAN PERANTI YANG DIGUNAKAN BAGI PEPERIKSAAN AKHIR SERTA JENIS OPERATING SYSTEM BAGI PERANTI YANG DIGUNAKAN**


Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh pihak Universiti Malaya sewaktu sesi percubaan pada 27 Mei 2021, proctoring tool ini hanya boleh digunakan bagi peranti yang menggunakan Operating System seperti Windows dan Mac sahaja. Walau bagaimanapun, mengikut borang maklum balas ini, terdapat mahasiswa dan mahasiswi yang menggunakan peranti selain daripada laptop bagi tujuan pembelajaran atas talian serta operating system yang tidak bersesuaian dengan kegunaan proctoring tool ini.

Tambahan pula, terdapat juga mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai laptop bagi tujuan peperiksaan akhir.

Ini telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan pelajar dimana ketidaksesuaian peranti serta operating system untuk menggunakan proctoring tool ini akan memberi kesan kepada pelajar sewaktu peperiksaan akhir pada semester II, sesi 2020/2021 ini.



Statistik 4: Borang Maklumbalas Berkenaan Proctoring tool



Statistik 5: Borang Maklumbalas Berkenaan Proctoring tool

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat Demi Mahasiswa”

**KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA INTERIM 2021**